



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
10 MEI 2019 (JUMAAT)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	SYOR SELANGOR TUBUH RCI GANGGUAN AIR
MUKA SURAT	17

Syor Selangor tubuh RCI gangguan air

► Masalah perlu disiasat berikutan kerap berlaku, susahkan penduduk

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

■ Klang

Keraian Selangor disaran menubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkenaan masalah gangguan bekalan air yang berlaku di sekitar Lembah Klang.

Presiden Persatuan Perpaduan Sejahtera Kebangsaan, M Selven-

thiran, berkata isu air perlu disiasat memandangkan kerap berlaku hingga menyusahkan penduduk.

Katanya, isu air sepatutnya tidak lagi timbul kerana pentadbiran sehaluan antara Selangor dengan Kerajaan Persekutuan.

"Bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sering melaungkan Selangor ada simpanan kewangan yang banyak.

Rakyat sengsara

"Jadi, mengapa wang itu tidak digunakan untuk menyelesaikan isu air demi kepentingan rakyat? Rakyat sengsara kerana masalah ini," katanya selepas menyerahkan memorandum kepada wakil Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Wilayah Klang, di sini, semalam.

Memorandum berkenaan turut diserahkan kepada Menteri Besar,

Amirudin Shari.

Dalam masa sama, Selventhiran turut meluahkan rasa kecewa terhadap perkhidmatan lori tangki yang dibekalkan Air Selangor.

Katanya, hebatan dilakukan Air Selangor mengenai perkhidmatan penghantaran bekalan air itu hanya "wayang" bagi menyedapkan hati penduduk terjejas.

"Sebaliknya, perkhidmatan ini tidak ada. Penduduk terpaksa mencari air di kawasan yang jauh dan ini amat menyusahkan."

"Jaminan bekalan air pulih juga tidak boleh dipercayai. Sehingga pagi ini, masih banyak lagi kawasan yang tidak mendapat bekalan air," katanya.

Beliau berkata, masalah air yang berlaku ketika umat Islam menyambut Ramadhan memberi kesan kepada kumpulan 40 peratus isi rumah berpendapatan rendah.



Selventhiran (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada wakil Air Selangor Wilayah Klang, di Klang, semalam.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	SMART SELANGOR PARKING DIPERKENAL DI MPSJ
MUKA SURAT	46

Smart Selangor Parking diperkenal di MPSJ

KUALA LUMPUR 9 Mei -Penduduk di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) kini boleh menarik nafas lega apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) itu melancarkan sistem aplikasi pintar untuk bayaran parkir.

MPSJ dalam kenyataan berkata, aplikasi tersebut iaitu Smart Selangor Parking (SSP) dan Parkbyphone (PBP) memudahkan orang ramai meletakkan kenderaan mereka di 44,639 petak letak kenderaan berbayar berkuat kuasa 6 Mei lalu.

"Orang ramai tidak perlu lagi tergesa-gesa membuat pembayaran letak kereta MPSJ kerana sistem ini membolehkan mereka membuat pembayaran di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

"Selain itu, ia juga mempunyai pelbagai fungsi yang

boleh mengingatkan pengguna mengenai tempoh tamat parkir, pembayaran kompaun (sekiranya ada) serta semakan pembayaran letak kenderaan," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, penggunaan aplikasi sistem pintar letak kenderaan berkenaan turut digunakan di enam PBT lain iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang.

"Bagaimanapun, caj yang dikenakan berbeza bagi setiap PBT yang mana untuk MPSJ, caj dikenakan pada kadar RM0.50/jam, RM4/hari dan RM80/bulan (Tempoh masa letak kereta bermula dari pukul 8 pagi hingga 6.30 petang)," katanya.



PENGURUSI Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Kampung Baru Negeri Selangor, Ng Sze Han (empat dari kanan) ketika pelancaran aplikasi pintar Smart Selangor Parking (SSP) dan Parkbyphone (PBP) di ibu Pejabat MPSJ, Subang Jaya, Selangor, baru-baru ini.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'KAMI DAH PENAT ANGKUT AIR'
MUKA SURAT	34

'Kami dah penat angkut air'

Penduduk di kawasan DUN Selat Klang harap gangguan bekalan air segera pulih

AZIE YAHAYA

KLANG

Letih dan memeritkan. Itu perasaan dialami penduduk di kawasan DUN Selat Klang apabila terpaksa mengangkut air akibat terputus bekalan air sejak Ahad lalu.

Warga emas, **Abdul Rahman Narasid**, 83, berkata, walaupun tinggal berlita-lita namun dia terpaksa mencuci air untuk digunakan setiap hari.

Katanya, dia terpaksa berulang-alik mengangkut air yang disediakan oleh

bekas ADUN Selat Klang dari Surau Muahajirin ke rumahnya menggunakan kereta sorong.

"Walaupun ada simpanan air tapi kena guna dengan cermat sebab tak tahu sampai bila gangguan air ini akan berakhir," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang tinggal di Taman Sungai Sireh sejak 35 tahun lalu berkata, gangguan air kali ini paling teruk dan mengambil masa lama untuk diselesaikan.

Suri rumah, **Noraizan Hussain**, 35, pula berkata, setiap hari dia terpaksa mengangkut air untuk digunakan lapan ahli keluarganya.

"Memang banyak guna air sebab adik baru bersalin tiga hari lalu dan berpantang di sini. Jadi nak tak nak saya dan ahli keluarga lain terpaksa gunakan kudrat untuk angkut air di kawasan-kawasan yang tidak



Abdul Rahman terpaksa berulang-alik membawa kereta sorong untuk mengangkut air.

terjejas," katanya.

Menurutnya, bekalan air bersih yang dibekalkan pengurusan Air Selangor tidak dapat menampung keperluan penduduk di kawasan terjejas.

"Lori tangki ini hanya



MOHD

masuk sekali sehari dan tak tentu masa. Ada kalanya jam 2 atau 3 pagi baru hantar bekalan air bersih.

"Memang tak larat nak tunggu sebab masing-masing dah penat kerana sehari suntuk mengangkut air," katanya.

Guna pinggan, cawan pakai buang

Sementara itu, penduduk di Kampung Delek, **Mohd Ismail**, 64, berkata, dia terpaksa mendapatkan bekalan air dari Surau Nurul Iman, di Telok Gadong



NORAIZAN

untuk kegunaan harian.

"Hari pertama gangguan air berlaku, saya beli air mineral untuk kegunaan harian tapi masuk hari kedua saya tадah air di tempat yang tak terjejas. Mana mampu setiap hari nak beli air."

"Saya berulang alik tiga kali sehari menggunakan kereta untuk mendapatkan bekalan air bersih. Mujur pihak surau beri kebenaran untuk kami ambil air di situ.

"Penat memang penat, lebih-lebih lagi sekarang



NORAZREEN

bulan puasa. Tapi kena juga gagah sebab ini untuk kegunaan kami sekeluarga," katanya.

Bagi pekerja swasta **Norazreen Azman**, 34, dia sekeluarga terpaksa menumpang mandi di rumah ibunya di Seksyen 24, Shah Alam.

Menurutnya, dia juga terpaksa menggunakan pinggan dan cawan pakai buang untuk menjimatkan air.

"Harap masalah gangguan air ini dapat diselesaikan segera," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	AIR DIBEKAL LORI TANGKI TIDAK CUKUP & TUBUH RCI SIASAT ISU GANGGUAN AIR
MUKA SURAT	34



Penduduk beratur untuk mendapatkan air diagihkan Pas Selat Klang.



Halimah membantu penduduk di Taman Sungai Sireh.

Air dibekal lori tangki tidak cukup

BEKAS ADUN Selat Klang, Dr Halimah Ali berkata, lori tangki air yang digerakkan pengurusan Air Selangor hingga mencecah 74 jentera masih tidak mampu menampung keperluan isi rumah yang terjejas khususnya dalam kawasan DUN Selat Klang.

“Sehingga hari ini (semalam), orang ramai masih ke hulu ke hilir mencari bekalan air bersih.

“Kampung Delek, Kampung Sungai Udang, Kampung Sungai Sireh, pangsapuri Sri Perantau, Kampung Rantau Panjang dan Kampung Keretapi antara kawasan terjejas teruk,” katanya semalam.

Bagaimanapun kata-nya, krisis air disifatkan antara terburuk sejak 23 tahun lalu di sini sebenarnya mampu ditangani Ke-rajaan Selangor.

Katanya, ketika menjadi wakil rakyat di Dun Selat Klang, beliau sendiri pernah berdepan dengan krisis air di Pulau Ketam apabila paip utama menghubungkan Pulau Ketam yang terletak dalam dasar laut terputus mengakibatkan penduduknya terputus bekalan air bersih sehingga sebulan.

Katanya, beliau mengarahkan bekalan air bersih dihantar kepada penduduk Pulau Ketam menggunakan

kan pengangkutan laut. Sejak tiga hari lalu Pas dan Jabatan Amal Malaysia menyediakan tangki air di Pusat Khidmat Pas Selat Klang untuk kegunaan penduduk.

Sementara itu, ADUN Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, hanya sebahagian kawasan di DUN berkenaan masih terjejas dan dijangka pulih hari ini.

“Kita sudah mengagihkan lebih 27,000 liter bekalan air bersih ke kawasan-kawasan terjejas di DUN Pelabuhan Klang iaitu Taman Telok Gedung Idah (Jalan Sama Gagah), Taman Kota Pendamar, Te-

lok Gong dan Bandar Par-klands.

Menurutnya, beliau bersama Ahli Majlis, Pusat Khidmat DUN Pelabuhan Klang, sukarelawan NGO turun padang.



Selventiran (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada wakil Syabas cawangan Klang.

Tubuh RCI siasat isu gangguan air

KERAJAAN Selangor dicadangkan supaya menuhubkan Suruhan-jaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat punca gangguan bekalan air yang kerap berla-ku dan segera menyele-saikannya.

Presiden Persatuan Perpaduan Sejahtera Kebangsaan, M Selven-tiran berkata, pembuahan RCI berkaitan isu berkenaan perlu dise-gerakan memandang-kan gangguan bekalan air khususnya di Lem-

bah Klang sudah berla-rutan sejak 10 tahun lalu.

“Gangguan bekalan air setakat tahun ini saja 15 kali berlaku dan ter-baru, ketidaaan air di banyak kawasan akibat tiga paip utama pecah di Bukit Raja pada Sabtu lepas. Kami sebagai rakyat Selangor mahukan penyelesaian segera,” katanya.

Beliau berkata, pi-haknya menghantar me-morandum dua muka surat kepada pejabat Menteri Besar Selangor semalam bagi menggesa kerajaan negeri menye-lesaikan sebarang permasalahan yang boleh menyebabkan gangguan bekalan air pada masa depan.

Selain itu beliau ber-kata, memorandum tu-rut diantar kepada Sya-rikat Bekalan Air Selangor (Syabas) ca-wangan Klang.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JANGAN KUNCI GELANGGANG FUTSAL
MUKA SURAT	35

Jangan kunci gelanggang futsal

KERLING - Golongan belia di Kampung Kerling meminta gelanggang futsal di kampung berkenaan tidak dikunci bagi memudahkan mereka menggunakan kemudahan tersebut.

Pengguna, B Sakhtieswaran, 20, berkata, gelanggang yang dibina kerajaan untuk kegunaan belia berbilang kaum itu dahulunya boleh digunakan tanpa had masa secara percuma.

Bagaimanapun menurutnya, selepas kerja baik pulih beberapa kerosakan termasuk pagar pada tahun lepas ge-

langgang tersebut dikunci sehingga kini.

"Notis pada pagar gelanggang menyatakan lokasi itu menjadi kawasan larangan tanpa kebenaran Jabatan Landskap Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

"Pintu pagar dikunci menggunakan rantai besi dan mangga. Kami dimaklumkan oleh ketua kampung supaya berurusan dengan MDHS jika mahu menggunakan kemudahan itu.

"Difahamkan juga ada dikenakan bayaran. Saya rasa tidak patut kerana kami hanya mahu beriadah dengan bermain futsal dan kemudahan ini sepatutnya percuma," katanya.

Sementara itu Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui berkata, beliau menerima beberapa aduan berhubung perkara tersebut yang disuarakan golongan belia kampung.

Menurutnya, tindakan lanjut dan penyelesaian perlu dilakukan agar kemudahan itu dapat dimanfaatkan tanpa membebankan belia.



June Leow meninjau Gelanggang Futsal Kerling selepas menerima aduan kemudahan itu dikunci.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MDHS PERKENAL KAD PERUBATAN
MUKA SURAT	35

MDHS perkenal kad perubatan

RAWANG - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) memperkenalkan insentif kad perubatan kepada setiap pegawai dan kakitangan agensi itu.

Kad bernilai RM704 setahun dijangka bermula awal Januari tahun ini.

Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohamad Hamin berkata, insentif tersebut diberikan kepada kakitangan yang mempunyai perlindungan kad perubatan persendirian.

Menurutnya, usaha itu sebagai dorongan supaya kakitangan mendapatkan perlindungan perubatan dari syarikat insurans takaful.

"Bagi kakitangan yang tiada kad perubatan, mereka diberikan insentif bayaran balik untuk rawatan pesakit luar di hospital atau klinik swasta dengan jumlah sama.

"Insentif ini meliputi rawatan pesakit luar kepada diri sendiri, pasangan dan anak.

"Selain itu melalui geran sebanyak RM100,000 setahun yang disalurkan



Shukri bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Selangor, Zamani Ahmad Mansor melancarkan Pelan Strategik MDHS 2019-2023 sempena Majlis APC MDHS, Jumaat lalu.

kepada Kelab Sukan dan Kebajikan, pelbagai bantuan dan sumbangan diberikan kepada kakitangan," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di Setia Eco Templer's Ballroom, Jumaat lalu.

Shukri berkata, sumbangan dan bantuan yang diberikan termasuk khairat kematian pasangan, ibu bapa kandung dan anak,

ihsan kemalangan serta bencana alam dan hadiah kelahiran cahaya mata.

Menurutnya, MDHS turut mencarum di bawah Skim Takaful Kasih CUE-PACS untuk setiap kakitangan dengan bayaran RM12 sebulan membabitkan kos keseluruhan RM 64,224 setahun.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPAJ KENAL PASTI PUNCA BANJIR APRIL LALU
MUKA SURAT	37

MPAJ kenal pasti punca banjir April lalu

TERATAI – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengenalpasti punca banjir kilat di kawasan premis di Jalan Teratai 1/2E Taman Bukit Teratai pada pertengahan April lalu.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, siasatan mendapati batu konkrit penutup longkang pecah dan mengakibatkan saluran tersumbat.

“Sebelum ini, kawasan tersebut tidak pernah berlaku banjir, kontraktor KDEB Waste Management Sdn Bhd telah menjalankan operasi pembersihan longkang dan mengeluarkan sisa batu yang pecah itu,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Justeru, Mohamad berharap penduduk dan peniaga di kawasan berkenaan menjaga kebersihan bagi mengelakkan perkara sama berlaku.

“Jangan buang sampah merata-rata terutama ke dalam longkang. Tindakan itu juga boleh mengakibatkan longkang tersumbat dan berkemungkinan banjir,” katanya.



Kontraktor KDEB Waste Management Sdn Bhd menajalankan operasi pembersihan di Taman Bukit Teratai baru-baru ini.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	PAY FOR PARKING IN SUBANG JAYA THROUGH APP
MUKA SURAT	4

Pay for parking in Subang Jaya through app



Sze Han (middle), Michelle (third from right), Noraini (fifth from right) and MPSJ deputy president Mohd Zulkurnain Che Ali (left) at the launch of MPSJ being listed on the Smart Selangor parking app.

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) is now listed under the Smart Selangor Parking mobile app, allowing motorists to pay for parking through their smartphone.

Motorists can also pay for parking using the Parkbyphone application by Godell Parking Sdn Bhd.

MPSJ joins Petaling Jaya City Council, Ampang Jaya Municipal Council, Shah Alam City Council, Kajang Municipal Council.

Selayang Municipal Council and Sepang Municipal Council in providing an alternative way for motorists to pay for parking.

Both parking applications were launched by Selangor Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han.

Also present were Subang Jaya assemblyman Michelle Ng, MPSJ president Noraini Roslan and rep-

representatives from Godell Parking and Smart Selangor Delivery Unit.

With the parking app, motorists would no longer have to look for coupons or rush back to their vehicles to extend their parking dura-

The app also prompts users

when the parking period expires. In addition, users could pay for parking compounds, if any, through the organization.

MPSJ is now listed on the Smart Selangor Parking Application.

Both smart applications are available for download at the

available for download at the Google Play or Apple App Store. Motorists can still use parkin-

Motorists can still use parking coupons, monthly parking passes or pay and display through parking machines.

Parking is payable from 8am to

6.30pm from Monday to Friday. The charges for MPSJ parking are RM0.50 per hour, RM4 for a day and RM80 for a month.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	BULK WASTE BINS PLACED IN SHAH ALAM
MUKA SURAT	4



Roro bins have been placed in many areas in Shah Alam. — Filepic

Bulk waste bins placed in Shah Alam

SHAH Alam City Council (MBSA) has placed roll-on roll-off (Roro) bins for the public to dispose of bulk waste ranging from furniture to electrical items.

A total of 164 Roro bins have been placed in designated locations all over Shah Alam, from Sections 1 to 36 and Section U1 to Section U20.

The free disposal service will be available until May 22.

MBSA hopes that residents will cooperate by putting their bulk waste in the Roro bins to keep neighbourhoods clean as well as ease collection of waste by hired contractors.

The exact locations of the Roro bins can be found on the council's Facebook page and Instagram.

For details, call the council's Waste Management and Public Cleansing Department at 03-5519 6402.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	NEW WAY OF RUNNING RAMADAN BAZAARS
MUKA SURAT	6

New way of running Ramadan bazaars

Kajang Municipal Council lets residents oversee operations while it focuses on enforcement

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

TO MINIMISE the hassle of managing annual Ramadan bazaars, Kajang Municipal Council (MPKj) is allowing residents to oversee operations.

MPKj Licensing Department assistant director Muhammad Abdul Muhaimin Salleh said residents' representative committee (MPKK) or the area's residents associations have been asked to organise the bazaars and take charge.

He hoped the organisers would ensure stall operators maintain cleanliness, control traffic and prevent illegalities from trading.

Freed from encumbrances like manpower shortage, Muhammad said the move would allow MPKj to focus on enforcement and regulatory controls.

He however, warned that to ensure the organisers do not abuse the goodwill of the council, regular checks would be carried out so that only the number of lots stipulated in the licensing applications are rented out.

"Checks will be carried out on an ad hoc basis," Muhammad said, add-



Traders at a Ramadan bazaar at 13th Mile, Jalan Cheras, Kajang.

ing that deposit and guarantee fees for a bazaar site with fewer than 100 lots was RM3,500.

A total of 1,569 lots have been allocated for traders by MPKj. Most are in Kajang, Cheras and Bangi.

Of the 47 sites, 37 will sell food for breaking fast while 10 locations will solely be for fashion items and home decor.

In Kajang, TTDI Grove Ramadan food bazaar organiser Rosli Mohd

Yusoff said the biggest challenge was to ensure enough people turn up to support the vendors.

Rosli, who is overseeing 38 lots, is handling such an event for the first time.

He is using banners and social media to attract visitors to his location.

"Under my watchful eyes, there will not be any illegal trading going on," said Rosli.

Ramadan bazaars approved by Kajang Municipal Council

FOOD STALLS

■ Kajang

- > Road leading to SMAP Batu 13, Jalan Cheras Kajang
- > Jalan Bunga Kantan 1, Sungai Kantan (in front of shoplots)
- > Dataran Prima Saujana, Saujana, Kajang
- > Jalan Reko Sentral 2, Jalan Reko Sentral
- > Jalan Jasmin 1, Taman Jasmin, Kajang
- > In front of shoplots Taman Zamrud
- > Taman Ramal Indah (Takap Pasar Tani)
- > Jalan 3/1, Section 3, Taman Kajang Utama
- > Jalan Indah 1, Sungai Jelok
- > Parking lots Section 9, Saujana Impian
- > Empty lot in Taman Kajang Mewah
- > Jalan TTDI Grove in front of Rest 1

■ Bangi

- > Night market Jalan 7/1A, Sek.7 Bandar Baru Bangi
- > Night market Section 16, Bandar Baru Bangi
- > Jalan 3/69, Section 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi
- > Night market Section 4, Bandar Bukit Mahkota
- > Jalan Seri Putra 1/3, Bandar Seri Putra
- > Jalan 2A, Section 9, Bandar Baru Bangi
- > Jalan 4/1B, Section 4 Bandar Baru Bangi
- > Jalan Puteri 2A/1 Bandar Seri Puteri

■ Cheras

- > Jalan Orkid 3, Batu 8, Cheras
- > Jalan Temenggung 11/9, 13/9, and 17/9 Section 9 Bandar Mahkota Cheras
- > Jalan Balakong Jaya 1, Taman Impian Ehsan
- > Jalan CJ 8, Taman Cheras Jaya
- > Jalan Taman Tun Perak 3
- > Beside football field Taman Desa Baiduri Awam
- > Beside Aeon Big carpark Bandar Tun Hussein Onn
- > On night market site Taman Harmoni Indah, Bukit Belimbing
- > Jalan Desa Serdang 1, Taman Desa Serdang (Berhampiran Minlon)

■ Semenyih

- > Section 1, near Billion supermarket, Bandar Teknologi Kajang
- > Semenyih Sentral Bus Terminal
- > Jalan TPS 1/1, Tmn Pelangi Semenyih

■ Beranang

- > Jalan 3/1, Bandar Tasik Kesuma
- > Lorong Dato Dagang Hj Harun

■ Hulu Langat

- > Persiaran Intan, Taman Seri Nanding

RAMADAN CARNIVALS

■ Kajang

- > Parking lot near Metro Point supermarket
- > Plaza Metro Kajang walkway
- > Econsave walkway
- > MRT Stadium Kajang

■ Bangi

- > Bangunan Kompleks PKNS Bangi
- > Kompleks EVO, Section 9, Bandar Baru Bangi
- > Laman Bangku, Bangi Sentral
- > Beside McDonald's Bangi
- > Jalan Puteri 2A/1, Bandar Puteri, Bangi

■ Cheras

- > Amerin Mall, Jalan Impian Indah, Seri Kembangan



AKHBAR	NEW STRaits TIMES
TAJUK BERITA	WEST COAST EXPRESSWAY RAYA TARGET UP IN THE AIR
MUKA SURAT	3

QUESTIONS

WEST COAST EXPRESSWAY RAYA TARGET UP IN THE AIR

Company will make announcement on May 20 whether road will be ready for Aidilfitri

Page - 3

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

FRESH questions have been raised on whether the West Coast Expressway (WCE) will open in time for Hari Raya Aidilfitri as promised, following the collapse of a section in Klang on Saturday.

The collapse of the 110m section caused water disruption in 65 areas in Klang due to three damaged main pipes under the 223km highway project, which connects Banting, Selangor, to Taiping, Perak.

WCE Sdn Bhd managing director Datuk Neoh Soon Hiong rebutted claims that the project would not be completed by Hari Raya.

He said the company would announce soon whether the deadline would be met.

He said the project's physical work was almost complete.

"Physically, we are almost complete. The four packages are 95 per cent done, but the remaining work that needs attention will take some time as there are certain agencies that need to go through federal gazettes, speed limit gazettes as well as safety gazettes."

"WCE will make an announce-

ment on May 20 on whether the project will be ready in time for Aidilfitri or otherwise."

On Wednesday, the Malaysian Highway Authority (MHA) said the highway's completion could be postponed as there was still work to be done to ensure the stretch was safe for motorists.

On the collapsed section, Neoh said soil movement was involved, adding that it would be best to wait for the investigation report to be completed.

"It is best that we don't jump to any conclusion and start pointing fingers before we receive the investigation report."

"A consultant has been appointed to look into the matter."

On the road collapse, MHA director-general Datuk Aziz Abdullah said there were standard guidelines that need to be taken into account in such instances.

"There is a standard guideline, based on the highway's traffic rate indicating the number and type of vehicles that ply the area, which needs to be adhered to ensure a safe environment."

"The safety, comfort and function of the road for motorists are our priority."

"MHA hopes to have the four packages opened before Hari Raya, but only after safety measures are taken."

He said packages under the project were the Hutan Melintang-Teluk Intan line (19.1km), Lekir-Changkat Chermin line (28km) and Changkat Chermin-Berusas line (16.6km) in Perak and the Selangor package, which only involved the northern part of the state.

The Banting-Taiping WCE project, which was initiated in 2013 and divided into 11 packages, was set to be completed by 2020, but was postponed to 2021.

It is understood that about five packages were scheduled to be carried out this year.

WCE is expected to complete work on the highway, which stretches from Jalan Banting-KLIA (B18) to the Tanjung Karang interchange (93.8km) in Selangor and from Jalan Persekutuan (FR5) in Hutan Melintang to the Changkat Jering Plaza Toll (139.2km) in Perak, this year.

It is jointly developed by the Public Works Department and toll concessionaire WCE Holdings Bhd's West Coast Expressway Sdn Bhd.





AKHBAR	NEW STRaits TIMES
TAJUK BERITA	'DESIGN, CONSTRUCTION IN ORDER'
MUKA SURAT	3

'Design, construction in order' *Page-3*

KUALA LUMPUR: The Works Ministry maintains that the collapsed section of the West Coast Expressway (WCE) in Klang has nothing to do with design or construction flaws.

Works Minister Baru Bian said the Saturday incident, which damaged three main pipes and affected water supply to some 65 areas in Klang, was due to other factors.

He said the construction of WCE adhered to the ministry's regulations.

He said WCE and Malaysian Highway Authority (MHA) representatives had conducted preliminary inspections at the site.

"MHA and WCE representatives conducted checks on the site's design and construction. The consultants, in their preliminary report, say the highway's

design and construction are in order.

"They believe the burst pipes could have been caused by other factors," he said yesterday.

However, Bian said, further studies were needed to determine the cause of the incident.

"WCE is cooperating to ease the difficulties faced by affected residents by providing water tankers."



Baru Bian



KERATAN AKHBAR 10 MEI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	NEW STRaits TIMES
TAJUK BERITA	MINISTER: KLANG WATER SUPPLY TO BE RESTORED FOR TODAY
MUKA SURAT	3



Dr A. Xavier Jayakumar

BURST PIPE Page - 3

Minister: Klang water supply to be restored from today

PUTRAJAYA: The water disruption in the Klang district following the bursting of three main pipes near the Banting-Taiping West Coast Expressway (WCE) project site is expected to be progressively resolved from today.

Water, Land and Natural Resources Minister Dr A. Xavier Jayakumar said the Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd contractor was working round the clock on pipe repair work, which was 35 per cent complete up to Wednesday.

He said the contractor must be given time to repair the three main pipes — measuring 1400mm, 900mm and 600mm — that burst on Saturday.

"I urge Klang residents to be patient because this water problem was unforeseen."

"The contractor is working round the clock to ensure water supply is restored," he said after the corruption-free pledge ceremony at his ministry here yesterday.

Present was Malaysian Anti-Corruption Commission Chief Commissioner Datuk Seri Mohd Shukri Abdull.

Jayakumar said the ministry had instructed the National Water Services Commission to investigate the burst pipe incident.

Some 65 areas in Klang were hit by water disruption.

Selangor Infrastructure, Public Utilities, Modernisation of Agriculture and Agro-Based Industry Committee chairman Izham Hashim said the state government and WCE were working to repair the pipes immediately.